



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

ISBN 978-983-42461-3-6



9 789834 246136



KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA

Terma Rujukan

JAWATANKUASA
KESELAMATAN DAN KESIHATAN
DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Unit Keselamatan Pesakit & Pekerja Perubatan
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

**TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA
KESELAMATAN DAN KESIHATAN
DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA**

BERPANDUKAN AKTA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 1994
&
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN
(JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN) 1996

Unit Keselamatan Pesakit & Pekerja Perubatan
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISBN: 978-983-42461-3-6

JANUARI 2008

Unit Keselamatan Pesakit dan Pekerja Perubatan

Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula,
disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk
atau alat sama ada mekanikal atau elektronik kecuali setelah
mendapat kebenaran daripada penerbit.

Diterbit, dicetak dan diedarkan oleh:

Unit Keselamatan Pesakit & Pekerja Perubatan

Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel: 03-88831187

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia



DATO' DR. NOORIMI BT. HJ MORAD

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
(Perubatan)

KATA PENGANTAR

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan)

Assalamualaikum w.b.t.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Unit Keselamatan Pesakit dan Pekerja Perubatan, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia kerana memberi saya kesempatan untuk merakamkan kata pengantar dalam buku Terma Rujukan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia ini.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan memandangkan kakitangan hospital sentiasa berdepan dengan pelbagai hazard pekerjaan. Oleh itu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di hospital perlu diwujudkan dan diperkukuhkan bagi mengeratkan kerjasama antara majikan dan pekerja dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, sejajar dengan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

Buku ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di hospital-hospital dalam melaksanakan tanggungjawab dan tindakannya. Ia adalah berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta peraturan-peraturan yang berkaitan. Cadangan berkenaan isu-isu berbangkit yang tidak dinyatakan di dalam akta turut dimuatkan sebagai panduan. Saya amat berharap agar buku ini dapat dimanfaatkan oleh setiap hospital dalam memastikan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan berfungsi secara aktif dan menepati matlamat yang telah digariskan oleh undang-undang.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Unit Keselamatan Pesakit dan Pekerja Perubatan, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan serta mereka yang terlibat dalam penghasilan buku ini di atas usaha mereka.



Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Noorimi Hj. Morad
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohd. Ismail Merican

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan)
Dato' Dr. Noorimi Bt. Hj Morad

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
Dato' Dr. Azmi Shapie

Timbalan Pengarah, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Dr. Kalsom Maskon

PENYUMBANG

Dr. Nor'Aishah Abu Bakar
Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Kesihatan Pekerjaan)
Ketua Penolong Pengarah
Unit Keselamatan Pesakit dan Pekerja Perubatan
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Prof. Dr. K.G. Rampal
Profesor & Pensyarah Kesihatan Pekerjaan
Fakulti Perubatan, UKM

Dr. Zaharah Zainuddin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Kesihatan Pekerjaan)
Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar (KPAS)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN *Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia*

KANDUNGAN

NO	TOPIK	M/S
1.0	PENGENALAN	1
2.0	KOMPOSISI JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN (JKK)	2
3.0	FUNGSI MAJIKAN YANG BERKAITAN DENGAN JKK	8
4.0	FUNGSI JKK	10
5.0	MESYUARAT	14
6.0	PENALTI	16
7.0	PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB AHLI JKK	16
8.0	TIPS KEJAYAAN YANG BERKEKALAN	17
9.0	KESIMPULAN	18

Buku ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di hospital-hospital dalam melaksanakan tanggungjawab dan tindakannya. Ia adalah berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta peraturan-peraturan yang berkaitan. Cadangan berkenaan isu-isu berbangkit yang tidak dinyatakan di dalam akta turut dimuatkan sebagai panduan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

1.0 PENGENALAN

Menurut Seksyen 30, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), majikan bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) di tempat kerja jika:

- Terdapat 40 (empat puluh) orang pekerja atau lebih di tempat kerja

ATAU

- Diarahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Department of Occupational Safety and Health, DOSH)

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 telah diwujudkan untuk menjelaskan secara lebih terperinci berkenaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

Tujuan utama JKK ditubuhkan ialah:

- a. Sebagai landasan untuk mewujudkan kerjasama antara majikan dan pekerja dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, sejajar dengan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- b. Sebagai satu mekanisma untuk perhubungan dua hala antara majikan dan pekerja dalam menyebarkan informasi berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- c. Meningkatkan minat pihak majikan dan pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

2.0 KOMPOSISI JKK

2.1 JKK hendaklah terdiri daripada:

- a. Seorang pengerusi.
- b. Seorang setiausaha.
- c. Wakil-wakil majikan.
- d. Wakil-wakil pekerja.

2.2 Bilangan ahli JKK adalah:

- a. Jika 100 (satu ratus) orang pekerja atau kurang - tidak kurang dari 2 (dua) orang wakil pekerja dan tidak kurang dari 2 (dua) orang wakil majikan.
- b. Jika lebih dari 100 (satu ratus) orang pekerja atau kurang - tidak kurang dari 4 (empat) orang wakil pekerja dan tidak kurang dari 4 (empat) orang wakil majikan.
- c. Sebaik-baiknya bilangan wakil majikan dan wakil pekerja perlulah seimbang supaya tidak berlaku keadaan yang berat sebelah.
- d. Sungguhpun akta tidak menyatakan bilangan maksima bagi ahli JKK, adalah dinasihatkan supaya bilangan ahli JKK tidak terlalu ramai. Ini kerana bilangan yang terlalu ramai mungkin menyukarkan perbincangan. Bilangan ahli JKK antara 10-14 orang adalah memadai. Namun sekiranya dirasakan perlu, jawatankuasa kecil boleh diwujudkan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- e. Bagi mengelakkan bilangan ahli JKK menjadi terlalu ramai, jabatan-jabatan atau unit-unit yang mempunyai masalah keselamatan dan kesihatan yang serupa atau berdepan dengan hazard yang serupa, boleh diwakili oleh seorang wakil sahaja.

2.3 Keanggotaan JKK:

Memandangkan semua kakitangan hospital KKM adalah digaji (termasuk Pengarah Hospital), kadang-kala terjadi kekeliruan berkenaan keanggotaan JKK. Berikut merupakan garis panduan keanggotaan JKK.

- a. Pengerusi:
- Majikan atau pengurusnya yang diberi kuasa
 - Contoh: Pengarah Hospital atau Timbalan Pengarah Hospital
- b. Setiausaha:
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Safety and Health Officer) yang digaji oleh majikan

ATAU

- Dilantik oleh Pengerusi untuk bertindak sebagai setiausaha

ATAU

- Diundi secara sulit (contoh: menggunakan kertas undi) oleh anggota-anggota JKK yang lain daripada kalangan mereka sendiri

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

Memandangkan hospital tidak termasuk dalam kategori sektor yang perlu mempunyai pegawai keselamatan dan kesihatan, kakitangan tertentu perlu dipilih sebagai setiausaha.

- a. Berikut adalah contoh kategori kakitangan yang boleh dilantik sebagai setiausaha:
 - PPKP (Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran)
 - Penyelia hospital
 - Pegawai di hospital yang telah menjalani kursus dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- b. Wakil majikan:
 - Mereka yang mempunyai tanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan boleh dijadikan sebagai wakil majikan
 - Contoh wakil majikan - Ketua Jabatan, Penyelia Jururawat, Penyelia Pembantu Pegawai Perubatan, Ketua Kerani, wakil dari syarikat pengendali *hospital support service*
- c. Wakil pekerja:
 - Mereka yang tidak bertugas dalam pengurusan boleh dijadikan sebagai wakil pekerja

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- Wakil-wakil pekerja dalam sesuatu JKK hendaklah dapat mewakili pelbagai bahagian tempat kerja supaya dapat memastikan, mengekalkan dan mengembangkan minat pekerja untuk mewujudkan tempat kerja yang sihat dan selamat di semua bahagian tempat kerja
- Contoh wakil pekerja Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Jururawat, Pembantu Pegawai Perubatan, Kerani, Pembantu Juruteknologi Makmal, Atenden. Wakil dari Kesatuan Pekerja juga boleh dijadikan wakil pekerja

2.4 Kekosongan ahli JKK:

Sekiranya berlaku kekosongan di kalangan JKK, ia hendaklah diisi oleh seseorang yang dilantik sebagaimana ahli yang lain.

2.5 Jawatankuasa kecil:

- a. JKK boleh membentuk Jawatankuasa Kecil bagi membantu melaksanakan fungsi-fungsi JKK.
- b. Contoh: Pasukan Tindakan Kecemasan, Jawatankuasa Promosi Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

2.6 Lantikan - kaedah, tempoh

- a. Sijil lantikan rasmi yang ditandatangani oleh Pengerusi JKK boleh dianugerahkan kepada setiap Ahli JKK yang telah dipilih.
- b. Sungguhpun tidak ada had tempoh lantikan Ahli JKK dinyatakan di dalam Akta atau Peraturan, adalah disarankan supaya tempoh lantikan dilakukan secara berkala. Contohnya Ahli JKK dilantik setiap 3 tahun.
- c. Tempoh ini dirasakan sesuai dalam memastikan kesinambungan aktiviti dan dalam mana yang sama memastikan Ahli JKK yang dilantik sentiasa bersemangat dan mampu memberi komitmen.
- d. Ditakuti bahawa seseorang yang telah terlalu lama memegang jawatan dalam JKK mungkin tidak lagi berupaya memberi komitmen dan idea baru untuk mempertingkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja.

2.7 Penyingkiran ahli JKK:

Sesuatu JKK boleh menyingkirkan seseorang anggotanya jika:

- a. Dia gagal menghadiri mesyuarat 3 kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi.
- b. Dia didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal.
- c. Dia menjadi bankrap.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- d. Tidak lagi bekerja di tempat kerja tersebut.
- e. Telah dibuktikan terhadapnya atau disabitkan kesalahan berkenaan:
 - Kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak
 - Kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
 - Apa-apa kesalahan jenayah yang lain
- f. Dia tidak dapat atau tiada upaya untuk menunaikan kewajipannya sebagai anggota jawatankuasa.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN
Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

3.0 FUNGSI MAJIKAN YANG BERKAITAN DENGAN JKK

3.1 Majikan bertanggungjawab menubuhkan JKK di tempat kerja jika:

- a. Terdapat 40 (empat puluh) orang pekerja atau lebih.
- b. Diarahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Department of Occupational Safety and Health, DOSH).

3.2 Berunding dengan JKK dalam meningkatkan keberkesanan kerjasama dengan pekerja semasa:

- a. Mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja.
- b. Mengukur keberkesanan langkah yang telah diambil.

3.3 Memberi latihan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada anggota JKK.

3.4 Menyediakan dokumen dan maklumat untuk JKK:

- a. Akta dan segala perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta.
- b. Tata amalan dan garis panduan berhubung penghapusan risiko kepada keselamatan dan kesihatan serta yang berkaitan.
- c. Maklumat tentang rancangan keselamatan dan perlaksanaannya.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- d. Maklumat teknikal berkenaan bahaya keselamatan dan kesihatan dan langkah-langkah pencegahan yang perlu.
- e. Maklumat tentang prosedur pengendalian, sistem kerja dan bahan bagi kegunaan semasa bekerja dan data lain yang relevan.
- f. Maklumat lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

3.5 Mengambil tindakan yang dicadangkan oleh JKK setelah membincangkan dengan Pengerusi JKK sekiranya berlaku kemalangan/kemalangan nyaris/kejadian berbahaya di tempat kerja, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan.

3.6 Mewujud dan menyelenggara sistem bagi pekerja membuat aduan berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

3.7 Melayan aduan seberapa segera dengan mengambil langkah yang perlu bagi menghapuskan atau mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

3.8 Memaklumkan alasan kepada JKK sekiranya aduan yang diterima tidak diambil tindakan yang perlu.

3.9 Menyediakan tempat yang sesuai untuk JKK mengadakan mesyuaratnya.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

3.10 Membenarkan setiap anggota JKK untuk menghadiri mesyuarat semasa waktu bekerja dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan JKK bila perlu.

4.0 FUNGSI JKK

4.1 Mewujud kaedah dan sistem kerja:

Membantu majikan dalam mewujudkan kaedah-kaedah atau sistem kerja bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja.

4.2 Mengkaji:

- a. Mengkaji semula keberkesanan program-program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- b. Menjalankan kajian tren kemalangan di tempat kerja, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan. Melaporkan hasil kajian kepada majikan (contoh: amalan tidak sihat, persekitaran tidak selamat) dan mencadangkan langkah penambahbaikan.
- c. Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Mencadangkan kepada majikan sekiranya dasar perlu disemak.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN *Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia*

4.3 Menjalankan pemeriksaan tempat kerja:

- a. Memeriksa tempat kerja sekurang-kurangnya 3 (tiga) bulan sekali untuk memastikan tiada perkara yang boleh mendatangkan risiko kepada keselamatan dan kesihatan pekerja serta merekodnya.
- b. Membincangkan dengan seberapa segera hasil pemeriksaan dengan JKK sekiranya terdapat perkara-perkara di tempat kerja yang boleh mendatangkan implikasi keselamatan dan kesihatan kepada pekerja.
- c. Mencadangkan kepada majikan langkah pemulihan yang perlu diambil serta merekodnya.
- d. Menilai keberkesanan langkah-langkah kawalan yang telah diambil.

4.4 Menyasat perkara yang tidak selamat:

- a. Sebarang perkara yang dikenal pasti oleh anggota JKK sebagai tidak selamat atau mendatangkan risiko kepada kesihatan.
- b. Sebarang aspek keselamatan dan kesihatan yang telah dibawa kepada perhatian majikan. Contohnya aduan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diterima dari pekerja.
- c. Membincangkan dan menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti semasa siasatan. Sekiranya tidak mampu menyelesaikannya, boleh memohon pihak DOSH untuk menjalankan pemeriksaan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- d. Merekodkan masalah yang telah dikenal pasti, yang dibincangkan dan cadangan yang diajukan dalam bentuk laporan dan menyimpan rekod/laporan dengan baik serta sistematik.
- e. Majikan atau pengurusnya hendaklah memberitahu Pengerusi atau Setiausaha JKK sekiranya berlaku kemalangan / kemalangan nyaris / kejadian berbahaya di tempat kerja, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan dengan seberapa segera. JKK perlu melakukan pemeriksaan dan bermesyuarat untuk menyiasat perkara tersebut. Penyebab atau punca kemalangan / penyakit / keracunan perlu dikenal pasti. Cadangan perlu dikemukakan kepada majikan bagi mencegah berulangnya kejadian serupa.

4.5 Menyiasat aduan:

- a. Menyediakan saluran aduan yang sesuai untuk kakitangan mengadu masalah berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Contohnya melalui peti aduan atau aduan terus kepada wakil majikan / pekerja.
- b. Menyiasat aduan yang diterima oleh majikan sekiranya pekerja mengadu kepada JKK atau di atas arahan majikan dan mencadangkan langkah yang sesuai bagi menghapuskan atau mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- c. Menyediakan laporan siasatan aduan dan cadangan. Laporan tersebut perlulah diserahkan kepada majikan / Pengarah Hospital untuk tindakan selanjutnya dan disimpan dengan baik.
- d. Menyasat dan menyelesaikan aduan pekerja sekiranya tidak bersetuju dengan alasan yang diberikan oleh majikan berkenaan aduan tersebut. Namun ini memerlukan permohonan dari Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) terlebih dahulu. Seterusnya JKK perlu mengemukakan kepada Ketua Pengarah:
 - Laporan pemeriksaan dan penyiasatan
 - Cadangan kepada majikan
 - Dokumen-dokumen yang berkenaan

4.6 Membantu dalam aktiviti promosi keselamatan dan kesihatan:

- a. Membantu majikan dalam menjalankan sebarang kegiatan menggalakkan keselamatan dan kesihatan pekerja. Contohnya pertandingan berkaitan keselamatan dan kesihatan, ceramah keselamatan dan kesihatan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

5.0 MESYUARAT

5.1 Mesyuarat sulung:

- a. Dipanggil oleh majikan tempat kerja.
- b. Majikan hendaklah memberitahu dasar keselamatan dan kesihatan, pelan dan cadangan untuk mewujudkan tempat kerja yang sihat dan selamat.

5.2 Kewajipan menyediakan kemudahan mesyuarat:

- a. Majikan bertanggungjawab untuk menyediakan tempat mesyuarat yang sesuai.
- b. Membenarkan setiap anggota JKK untuk menghadiri mesyuarat semasa waktu bekerja.

5.3 Kekerapan mesyuarat:

- a. Seberapa kerap yang perlu setara dengan risiko di tempat kerja, sekurang-kurangnya 3 (tiga) bulan sekali.
- b. Jika berlaku kemalangan yang melibatkan kematian, kecederaan badan yang serius, mesyuarat perlu diadakan serta-merta bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja.

5.4 Notis mesyuarat:

- a. Ahli JKK harus diberi notis mesyuarat bertulis yang munasabah mengenai sebarang mesyuarat beserta agenda mesyuarat.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- b. Namun mesyuarat segera perlu dipanggil sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa, kecederaan badan yang serius, kejadian berbahaya atau kemalangan nyaris atau situasi yang memerlukan perhatian serta-merta.

5.5 Korum dan keanggotaan mesyuarat:

- a. Mesyuarat hanya boleh dijalankan jika pengerusi, setiausaha dan tidak kurang dari 50% (setengah) daripada ahli JKK yang lain hadir.
- b. JKK boleh menjemput bukan ahli untuk menghadiri mesyuarat, sekiranya dirasakan perlu bagi membincangkan sebarang hal berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja.

5.6 Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat:

- a. Hanya perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja organisasi tersebut patut dibincangkan. Ini untuk mengelakkan dari JKK hilang fokus asalnya dan disalahgunakan untuk agenda-agenda lain.
- b. Minit mesyuarat yang lalu.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

5.7 Minit mesyuarat:

- a. Minit mesyuarat harus dihantar kepada ahli JKK dan majikan dalam tempoh 2 minggu selepas mesyuarat.
- b. Majikan hendaklah menyimpan minit mesyuarat selama sekurang-kurangnya 7 tahun bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

6.0 PENALTI

Adalah satu kesalahan jika melanggar peruntukan peraturan ini. Seseorang yang bersalah boleh:

- Didenda tidak melebihi lima ribu ringgit

ATAU

- Dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan

ATAU

- Kedua-duanya

7.0 PERKONGSIAN TANGGUNGJAWAB AHLI JKK

- a. Ingin ditekankan bahawa perkongsian tanggungjawab Ahli JKK tanpa mengira status samaada sebagai wakil majikan atau wakil pekerja adalah amat penting memandangkan di hospital, ahli-ahli JKK turut mempunyai tugas hakiki yang perlu dilaksanakan.
- b. Perkongsian tanggungjawab mampu mengelakkan dari terjadinya situasi di mana sebahagian besar tanggungjawab diserahkan kepada Setiausaha atau wakil

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

pekerja sahaja yang mana akhirnya menyebabkan pihak tersebut tidak mampu untuk memikul beban dan JKK tidak dapat berfungsi.

- c. Oleh itu Pengerusi perlu memastikan bahawa tanggungjawab diagih-agihkan antara ahli dan setiap ahli memainkan peranan masing-masing dengan aktif.
- d. Konsep perkongsian tanggungjawab serta kerja berpasukan adalah salah satu kunci dalam memastikan JKK dapat berfungsi secara efektif dan menghindari JKK dari beransur-ansur menjadi pincang dan mati di tengah jalan.

8.0 TIPS KEJAYAAN JKK YANG BERKEKALAN

1. Pengerusi:
 - a. Komited dan bertanggungjawab.
 - b. Mengetahui dan percaya tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
 - c. Mengetahui fungsi JKK.
 - d. Memantau aktiviti JKK.
 - e. Menyemak tindakan JKK.
2. Ahli-ahli JKK:
 - a. Komited dan bertanggungjawab.
 - b. Mengetahui dan percaya tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
 - c. Mengetahui fungsi JKK.
3. Skop, fokus dan fungsi JKK adalah menurut terma rujukan, iaitu tidak terpesong meliputi aspek-aspek selain dari keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

4. Berkongsi tanggungjawab antara ahli-ahli JKK.
5. Mengamalkan prinsip kerja berpasukan.
6. Bersikap terbuka dalam menerima maklumbalas dari mana-mana pihak untuk mempertingkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
7. Proaktif.
8. Bertindak pantas ke atas keputusan mesyuarat atau sebarang aduan.
9. Tidak melengah-lengahkan tindakan yang dipersetujui.
10. Tidak cepat berputus asa dalam mempertingkatkan aspek keselamatan dan kesihatan perkerjaan.

9.0 KESIMPULAN

Kewajipan pengwujudan dan aktiviti JKK di setiap tempat kerja haruslah dilihat sebagai sesuatu yang positif. Ia merupakan peluang untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan warga kerja. Oleh itu ia tidak harus dianggap sebagai beban kepada organisasi dan hanya dijalankan semata-mata untuk menghindari dari tindakan undang-undang. Komitmen dan perkongsian tanggungjawab antara ahli-ahli JKK adalah mustahak dalam memastikan JKK dapat berfungsi secara efektif dan berkekalan bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan warga kerja.